

INISIATIF PELAKSANAAN JOHOR FAST LANE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JOHOR FAST LANE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (JFL MBBB)

DEFINISI

Johor Fast Lane (JFL) MBBB merupakan satu proses pemajuan yang dilaksanakan secara pantas dan tangkas bermula daripada sebelum kelulusan pelan sehingga bangunan siap bina di tapak seterusnya kebenaran beroperasi dalam masa yang singkat melalui **gabungan proses di peringkat kelulusan pelan, pembinaan di tapak, CCC dan lesen pengoperasian.**

PENGLIBATAN

- i. AGENSI TEKNIKAL DALAMAN DAN LUARAN
- ii. PRINSIPLE SUBMITTING PERSON (PSP)
- iii. PEMILIK / OPERATOR

Bersama-sama dalam merancang pemajuan pembangunan yang ingin dilaksanakan.



KELEBIHAN JOHOR FAST

TEMPOH MASA

SINGKAT

KOS

JIMAT

PEMBANGUNAN
BOOSTER

TARIKAN
EKONOMI

JOHOR
PRO
PEMBANGUNAN

TEMA

CEKAP, CEPAT DAN EFISIEN

PRINSIP

KERJASAMA STRATEGIK JFL



INSENTIF JOHOR FAST LANE



01

PENYELARASAN AWAL TEKNIKAL

Pengenalan Awal Projek Oleh Pemohon

02

KELULUSAN SECARA SERENTAK

Pemohonan Kelulusan Kebenaran Merancang
Pembinaan, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan

03

MASUK TAPAK AWAL

Kelulusan Kerja Awalan Pembinaan dan Kerja Bangunan

04

PERMOHONAN LESEN AWAL

Pengurusan Lesen Operasi

05

PEMASANGAN MESIN AWAL

Kemasukan Mesin Dan Peralatan Semasa Tempoh Pembinaan

06

PENJIMATAN MASA DAN KOS

Kelulusan Pelan – Pembinaan – CCC, Lesen Operasi - Operasi

KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT JOHOR FAST LANE MBJB

- ✓ PEMILIK /OPERATOR
YANG TELAH DIKENAL
PASTI AKTIVITI
- ✓ HIGH IMPACT
- ✓ EXPa

01

KAWASAN TERANCANG

Pelan Kebenaran Merancang Susunatur, Pelan Kerjatanah, Jalan & Perparitan telah diluluskan.

02

UBAH SYARAT

Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah Selesai.

03

KESEDIAAN TAPAK

Tapak Tersedia Untuk Pendirian Bangunan.

04

INFRASTRUKTUR

Infrastruktur Dan Utiliti Telah Disediakan.

05

EIA

Laporan EIA telah diluluskan.

06

TIA & RSA

TIA dan RSA telah diluluskan

KATEGORI PROJEK

BANGUNAN SESEBUAH

01

KEMUDAHAN SWASTA
Hospital, Sekolah, Dewan

02

Pam Minyak dan Serbanika / Restoran
atau Pam Minyak sahaja

03

Kilang, Bengkel, Gudang, *Showroom*

04


Pasaraya, Kedai atau Restoran

05

Hotel , Motel, Rumah Rehat

JOHOR FAST LANE MBBJ

Proses Pemajuan (Manual OSC 3.0 Plus)



PROSEDUR KHUSUS JFL MBJB

1. 'PROJECT BRIEF'
2. KEBENARAN KHAS MULA KERJA AWAL
3. PERMOHONAN LESEN OPERASI



1 'PROJECT BRIEF'

Matlamat:

Memberi peluang kepada pemohon untuk membentangkan cadangan pemajuan serta memberi pendedahan awal kepada agensi teknikal untuk membuat semakan dan ulasan serta penentuan projek JFL.

Maklumat Berkaitan :

'Slide' Pembentangan (Project Brief) & Laporan Cadangan Projek :


1. Pengenalan (Latar belakang Syarikat, jumlah pelaburan, produk, tenaga kerja dan isu pemajuan)
2. Senarai Perunding (PSP/SP)
3. Konsep Pembinaan (IBS/Konvensional)
4. Jadual Pelaksanaan Projek (Timeline Project)
5. Pelan lokasi & pelan tapak
6. Pelan Ilustrasi / 3D
7. Pelan susunatur peletakan mesin operasi produk
8. Kiraan Fi Pelan / Lain-lain Bayaran

Lampiran (Saiz A3)

1. Pelan Kebenaran Merancang
2. Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit
3. Pelan Bangunan
4. Pelan Landskap
5. Pelan Lampu Jalan
6. Permit Sementara Bangunan (tapak bina)

Catatan :

▪ Pemohon perlu mengemukakan Salinan 'hardcopy' & 'softcopy' di dalam 1 unit USB 'Flash Drive'



2 KEBENARAN KHAS MULA KERJA AWAL

Matlamat:

Memberikan kebenaran khas memulakan kerja-kerja bangunan sebelum cop kelulusan Pelan Bangunan, dengan syarat JK OSC telah meluluskan Pelan Bangunan. (Rujukan UUK 13 UKBS 1984 dan Manual OSC 3.0 Plus)

Maklumat Berkaitan:

A. Surat permohonan mula kerja awal dengan menyatakan skop kerja seperti berikut :

1. Kerja awal pembinaan (pembersihan tapak, kerjatanah, pemasangan 'hoarding', rumah pekerja, papan tanda projek & lain-lain.
2. Kerja bangunan (kerja cerucuk, asas tapak & binaan bangunan)

B. Mengemukakan Permohonan Permit Sementara Bangunan 'hoarding', rumah pekerja, papan tanda projek, pondok pengawal & lain-lain.

Syarat Tambahan :

- Mengemukakan Surat Pengesahan Pendaftaran Tapak Operasi Bangunan / Kerjabina Kejuruteraan dari JKKP (JKJ 103)
- Pemohon perlu kemukakan permohonan rasmi Notifikasi Mula Kerja (Borang B) melalui kaedah OSC 3.0 Plus setelah Pelan Bangunan diluluskan.



3 PERMOHONAN LESEN OPERASI

Matlamat:

Memberi kebenaran kepada pemohon mengemukakan permohonan lesen operasi semasa kerja pembinaan masih dijalankan ; dan mengeluarkan kelulusan lesen operasi setelah CCC diperolehi.

Maklumat Berkaitan :

1. Jawatankuasa Pelesenan memberi mandat kepada Jawatankuasa OSC untuk mempertimbangkan dan memberi kelulusan Lesen Perniagaan.
2. Lesen akan dikeluarkan serta merta setelah CCC diperolehi
3. Ulasan teknikal jabatan luaran dirujuk semasa permohonan pelan pemajuan dan segala keperluan teknikal perlu diselesaikan semasa pembinaan.
4. Jabatan Pelesenan boleh menjalankan pemeriksaan di tapak selepas 6 bulan lesen premis dikeluarkan.

